

**ISLAM DALAM ADAT DAN BUDAYA
MASYARAKAT ACEH: KAJIAN TERHADAP
USAHA-USAHA PERTUBUHAN
MUHAMMADIYAH**

M. JAKFAR ABDULLAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**ISLAM DALAM ADAT DAN BUDAYA
MASYARAKAT ACEH: KAJIAN TERHADAP
USAHA-USAHA PERTUBUHAN
MUHAMMADIYAH**

oleh

M. JAKFAR ABDULLAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falasafah**

September 2016

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Puji dan Syukur kepada Allah dengan redha dan izinNya pengkaji telah selesai menyiapkan kajian ini bagaimana yang diharapkan. Selanjutnya sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diperuntukkan kepada Dr. Mohd. Nizam bin Sahad sebagai penyelia tesis ini. Beliau telah banyak meluangkan masa, memberikan bantuan, mengorbankan tenaga dan fikiran, dalam upaya penyiapan dan kesempurnaan tesis ini. Selanjutnya ialah kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Profesor Dr. Narimah Binti Samat. Semua pensyarah dan pelbagai pihak yang telah memberikan motivasi dalam penulisan kajian ini.

Jutaan terima kasih kepada Profesor Dr. Farid Wajdi Ibrahim MA, Rektor Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh serta semua pihak yang terlibat, serta telah memberikan masa kepada pengkaji untuk menyelesaikan kajian ini hingga ketahap akhir.

Akhirnya dirakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu serta terlibat dalam penulisan tesis ini. Khasnya kepada Isteri dan anak-anak tercinta atas pengorbanannya yang tidak berbelah bagi untuk keberhasilan suami dan ayahanda tercinta.

Penang, September 2016

M. JAKFAR ABDULLAH

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Lampiran	x
Abstrak	xi
Abstrac	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pengenalan masalah	2
1.3	Latar Belakang Masalah	9
1.4	Persoalan Kajian	16
1.5	Kepentingan Kajian	17
1.6	Objektif Kajian	18
1.7	Tinjauan Kajian Lepas	18
1.8	Skop dan Batasan Kajian	22
1.9	Metodologi Kajian	23
1.10	Rumusan	33

BAB 2 KONSEP AGAMA DAN ADAT DALAM ISLAM

2.1.	Pendahuluan	35
2.2.	Definisi Agama (akidah) dan Adat	35
2.2.1	Definisi Agama / Akidah	36
2.2.2	Definisi Adat dan Budaya	40
2.2.3	Kedudukan Adat Dari Sudut al-Qur'an dan As-Sunnah	44
2.2.4	Kedudukan Adat dan Tradisi Dalam Masyarakat	60
2.2.5	Islamisasi Adat dan Budaya	66
2.2.6	Penghapusan Adat Jahiliyah	72
2.2.7	Penetrasi Adat dan Budaya	78
2.3	Rumusan	89

BAB 3 PERTUBUHAN MUHAMMADIYAH

3.1.	Pendahuluan	91
3.2.	Pengertian Muhammadiyah	91
3.3.	Sejarah Berdirinya Muhammadiyah	92
3.4.	Muhammadiyah di Aceh	102
3.5.	Amal Usaha Muhammadiyah di Aceh	110
3.6.	Muhammadiyah dan Organisasi Otonominya (ORTOM) Di Aceh	121
3.7.	Rumusan	125

BAB 4 USAHA MUHAMMADIYAH MEMURNIKAN AKIDAH MASYARAKAT ACEH DAN ANALISIS

4.1.	Pendahuluan	126
4.2.	Panduan Amal Usaha Muhammadiyah	126
	4.2.1.Majlis Tarjih dan Tajdid	127
	4.2.2.Majlis Tabligh	131
	4.2.3.Amal Usaha Muhammadiyah	133
4.3.	Usaha yang Dilaksanakan Oleh Muhammadiyah	136
	4.3.1.Dakwah	137
	4.3.2.Pengajian	154
4.4	Adat Dan Tradisi Masyarakat Aceh	159
	4.4.1 <i>Peusijek</i>	160
	4.4.2 <i>Ba bhu / me bhu</i> (bawa nasi)	173
	4.4.3 <i>Menanam Adoe</i> (menanam uri)	176
	4.4.4 <i>Peutron Aneuk U tanoh</i> (turun tanah)	177
	4.4.5 <i>Tulak Bala</i> (Woet Ie Bhu memasak bubur kanji)	179
	4.4.6 <i>Rah Muka / Rah Ulhe</i> (basuh muka/basuh kepala)	184
	4.4.7 <i>Kenduri Blang</i> (kenduri sawah)	186
	4.4.8 <i>Kenduri Laot</i> (kenduri laut)	191
4.5.	Sosio Keagamaan Suatu Tradisi	198
	4.5.1 Kenduri Kematian	198
	4.5.2 <i>Kenduri Moklod</i> (Maulid Ar-Rasul)	204

4.6.	Analisis Dan Temuan Kajian Lapangan	209
4.6.1	<i>Upacara Peusijuek</i> (tepung tawar)	216
4.6.2.	<i>Intat Bhu / Me Bhu</i> (menghantar nasi)	220
4.6.3.	<i>Upacara Tanam Ado</i> (menanam uri)	223
4.6.4	<i>Peutron Aneuk U Tanoh</i> (Turun Tanah)	225
4.6.5.	<i>Tulak Bala/Mano Safar Rabu Abeh</i> (mandi bulan Safar Rabu Akhir)	227
4.6.6.	<i>Rah Muka/Rah Ulhe</i> (basuh muka/basuh kepala)	228
4.6.7	<i>Kenduri Blang</i> (kenduri sawah)	230
4.6.8.	<i>Kenduri Laot</i> (kenduri laut)	232
4.6.9	<i>.Kenduri Kamatian</i>	242
4.6.10	<i>Kenduri Moklod</i> (Kenduri Maulid ar-Rasul)	255
4.6.11	Adat dan Budaya	266
4.6.12	Usaha-Usaha Muhammadiyah	279
4.7	Rumusan	283
 BAB 5 PENUTUP		
5.1.	Pendahuluan	285
5.2.	Kesimpulan	285
5.3	Saranan-Saranan	292
RUJUKAN		295

SENARAI JADUAL

	Halaman
JADUAL 3.1. Sekolah Pendidikan Umum Muhammadiyah Dalam Wilayah Nanggroe Aceh Darussalam.	113
JADUAL 3.2 Jumlah Sekolah Pendidikan Agama Muhammadiyah anggroe Aceh Darussalam	114
JADUAL 3.3. Jumlah Sekolah Keahlian Muhammadiyah Dalam Wilayah Nanggroe Aceh Darussalam.	115
JADUAL 3.4 Jumlah Saranan Ibadah, Mesjid, Suarau yang dibina oleh Muhammadiyah dalam wilayah anggroe Aceh Darussalam.	117
JADUAL 3.5 Jumlah Rumah Penyantun (Rumah Kabajikan) Yatim Piyatu milik Muhammadiyah Dalam Wilayah Nanggroe Aceh Darussalam.	119
JADUAL 3.6 Jumlah Hospital dan Klinik Milik Muhammadiyah di Wilayah Nanggroe Aceh Darussala	120

SENARAI RAJAH

		Halaman
RAJAH 4.4.1	Peusijuk mempelai penganten	163
RAJAH 4.4.2.	Peusijuk dara baro	164
RAJAH 4.4.3	Peusijuek Meugaca	165
RAJAH 4.4.4	Peusijuk sunat Rasul	166
RAJAH 4.4.5	Peusijuk calon Jemaah haji	167

ISLAM DALAM ADAT DAN BUDAYA MASYARAKAT ACEH: KAJIAN TERHADAP USAHA-USAHA PERTUBUHAN MUHAMMADIYAH

A B S T R A K

Aceh merupakan sebuah kerajaan Islam yang telah lama wujud di Alam Melayu. Namun demikian, terdapat banyak budaya Aceh yang tidak sesuai dengan asas akidah Islam dan menyimpang darinya. Amalan-amalan ini dianggap sebagai budaya orang Aceh yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi semenjak zaman dahulu dan ia telah menjadi tradisi. Pertubuhan Muhammadiyah, sebagai sebuah pertubuhan pembaharuan di Indonesia dan pertubuhan pergerakan dakwah amar makruf nahi mungkar telah mengambil inisiatif untuk memurnikan kepercayaan tersebut. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penyimpangan budaya dan tradisi orang Aceh dan usaha-usaha Muhammadiyah dalam memurnikan asas akidah mereka. Metodologi kajian ini terdiri daripada gabungan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan melibatkan metode temu bual dan pemerhatian. Kajian telah mendapati bahawa tradisi dan budaya masyarakat Aceh masih dipengaruhi sistem kepercayaan Hindu dan Buddha. Kajian turut mendapati bahawa Muhammadiyah telah gagal memurnikan akidah masyarakat Aceh dalam aspek budaya dan tradisi mereka. Kegagalan tersebut berpunca dari kesilapan dalam strategi dan metode dakwah yang diaplikasi oleh Pertubuhan Muhammadiyah. Usaha yang kuat dari golongan tua masyarakat Aceh dalam mempertahankan adat dan tradisi mereka juga merupakan salah satu punca kegagalan dalam memurnikan budaya dan adat mereka agar selari dengan ajaran Islam.

**ISLAM IN CUSTOM AND CULTURE OF ACEHNESE SOCIETY:
A STUDY ON THE EFFORTS OF MUHAMMADIYAH ORGANIZATION**

ABSTRACT

Aceh is an Islamic state that has long existed in the Malay world. However, there are many Acehese cultures that do not comply with the fundamental beliefs of Islam and deviate from it. These practices are considered as Acehese cultures that have been inherited from generations to generations since previous times and have become a tradition. Muhammadiyah organization, as an Islamic reformation movement in Indonesia and '*dakwah*' movement of *amar makruf nahi mungkar*, took the initiatives to purify the beliefs. Therefore, the objectives of this study are to analyze the deviated culture and tradition of Acehese and the efforts of Muhammadiyah to purify Acehese fundamental beliefs. The methodology of this research consists of a combination of literature review and field study. The field study involves interview and observation methods. The findings of this study indicate that the tradition and culture in Acehese society are still influenced by Hinduism and Buddhism belief system. The research also finds that Muhammadiyah failed to purify the Acehese beliefs in terms of their culture and tradition. These failures were due to erroneous strategy and methods of '*dakwah*' applied by the Muhammadiyah organization. The strong efforts by the elders in the Acehese community to maintain their old custom and tradition is also one of the causes of failure in purifying their culture and custom to be in line with the teachings of Islam.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pertubuhan Muhammadiyah untuk memurnikan kembali akidah masyarakat Aceh di Nagroe Aceh Darussalam. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti akidah masyarakat Aceh yang berkait dengan budaya dan adat istiadat, sama ada budaya dan adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat Aceh sesuai dengan akidah Islam yang sebenarnya atau adakah ia merupakan peninggalan adat istiadat dan budaya agama pra Islam yang pernah berkembang di Aceh, iaitu agama Hindu dan Buddha

Sebelum penyebaran agama Islam ke Aceh, agama dan budaya Hindu dan Buddha lebih awal telah berkembang di Aceh. Masyarakat Aceh merupakan penganut agama Hindu dan Buddha pada masa itu. Penyebaran Islam ke Aceh menyebabkan masyarakat Aceh telah menukar agamanya kepada agama Islam. Di samping itu, masyarakat Aceh telah menyatakan bahawa adat istiadat dan budaya Aceh berasaskan Islam, yang tidak sesuai dengan ajaran Islam bukan budaya Aceh.¹ Bab ini akan

¹ A. Hasjmy, *Sejarah Kebudayaan Aceh*, 1988, Jakarta, Bulan Bintang, hlm. 87.

membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian serta metodologi kajian.

1.2 Pengenalan Masalah

Kerajaan Hindu telah wujud di bumi Aceh sebelum masuknya agama Islam ke Nusantara. Tidak diketahui dengan pasti bila bermula wujudnya kerajaan Hindu di Aceh, namun masyarakat Aceh telah lama mengamalkan ajaran dan budaya Hindu. Sehingga kini, peninggalan kerajaan Hindu masih dapat dilihat, seperti benteng Indra Patra di Ujung Bate Aceh Besar, bekas kuil Hindu yang telah dijadikan Masjid di Indrapuri Aceh Besar, dan sebagainya.² Koentjaraningrat menyebutkan bahawa pada abad ke 4 M. telah dijumpai tanda-tanda tertua adanya pengaruh agama dan budaya Hindu yang terkuat di Indonesia. Hal ini dibuktikan dari adanya batu-batu tulisan yang ditemui di pelbagai daerah. Dari bentuk dan gaya tulisan pada batu-batu tersebut, kelihatan gayanya iaitu gaya Palwa.³

Hal ini juga diperkuat dengan ditemukannya suatu penemuan artifak sejarah iaitu kepala arca Buddha di daerah Indrapuri Aceh Besar, yang menyerupai arca Buddha dari India Selatan. Penemuan tersebut dijadikan suatu bukti sejarah oleh para tokoh sejarah di Aceh, bahawa sebelum Islam di Aceh telah berkembang suatu budaya

² Temubual dengan Tengku H. A. Rahman Kaoy, penceramah bebas dan tokoh adat di Banda Aceh, pada 15 Februari 2013.

³ Koentjaraningrat, *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*, 1974, Jakarta, Bulan Bintang, hlm.22

dan agama yang sangat kuat dan besar iaitu agama Hindu dan Buddha. Di daerah Aceh Besar terdapat banyak penemuan dan peninggalan bukti-bukti sejarah, seperti berupa candi dan batu bertulis sebagai bukti sejarah betapa besar dan kuatnya pengaruh budaya Hindu dan Buddha sebelum Islam masuk dan berkembang di Aceh.⁴

Sejarah penyebaran agama Islam ke Nusantara telah menemukan bahawa sebelum Islam berkembang di Aceh, kerajaan Hindu telah wujud di Aceh. Masalahnya bila masanya penyebaran Islam masuk ke Aceh, menjadi perselisihan para ahli sejarah. Sebahagian ahli sejarah berpendapat bahawa Islam masuk ke Aceh (Indonesia) pada awal abad ke 7 M. Sebahagian lagi ada yang berpendapat pada awal abad ke 13 M. Sementara itu ahli sejarah Belanda, Snouck Hurgronje menyatakan bahawa Islam masuk ke Aceh (Indonesia) pada abad ke 15 M.⁵

Walau demikian seminar mengenai masuknya Islam ke Indonesia yang dilaksanakan di Medan pada tahun 1963, dan seminar mengenai sejarah dan perkembangan Islam di Aceh dan Nusantara yang dilaksanakan di Peureulak (Perlak) Aceh Timur, yang dilaksanakan oleh Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh pada tahun 1980 telah menetapkan bahawa dengan dasar pelbagai bukti sejarah, bahawa

⁴ Para tokoh sejarah menjadikan penemuan bukti sejarah seperti candi, kepala arca Buddha, tersebut sebagai bukti bahawa di Aceh telah pernah berkembang suatu agama dan budaya yang sangat kuat dan besar. Hal ini sentiasa disampaikan dalam pelbagai seminar, di antaranya pada seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh pada tanggal 25-30 September 1980 di Aceh Timur. Buku 1, *Sejarah Masuknya Islam di Aceh Sampai Berakhirnya Kerajaan Islam di Pasai*, 1980, Majlis Ulama Indonesia Propinsi Daerah Istimewa Aceh, bekerjasama dengan Pemerintahan Daerah Tingkat II Aceh Timur, hlm 8-9.

⁵ Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh, *Kesimpulan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*, tanggal 25-30 September 1980, Diselenggarakan oleh Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Pemerintahan Daerah Tk. II. Aceh Timur. hlm. 9-10. Lihat juga Hurgronje, Ch. S. " *The Islam in Nedherlandch-Indie* " V.G.iv hlm. 9.

Islam telah masuk ke Indonesia bermula pada abad pertama hijriyah. Bukti sejarah tersebut antara lain bahawa pada tahun 225 H. atau tahun 840 M. telah didapati wujudnya sebuah kerajaan Islam Peureulak (Perlak) di Aceh, iaitu kerajaan Islam yang pertama di kepulauan Nusantara (Indonesia). Kemudian berkembang ke wilayah lainnya di Nusantara. Kedua-dua seminar tersebut menafikan pendapat ahli sejarah terdahulu yang menyatakan bahawa Islam masuk ke Indonesia pada abad ke 13 M, atau abad ke 15 M. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat dari kutipan buku *Kesimpulan Seminar* seperti berikut :

Seminar menegaskan kembali, bahawa hasil kesimpulan seminar Sejarah Islam yang berlangsung di Medan pada tahun 1963 dikukuhkan lagi dalam Seminar Sejarah Islam di Banda Aceh pada tahun 1978, bahawa agama Islam telah masuk ke Nusantara pada abad pertama Hijriyah langsung dari tanah Arab. Selanjutnya Seminar berpendapat bahawa daerah yang mula-mula menerima Islam di Nusantara iaitu Aceh. Masuk dan berkembangnya Islam di Nusantara merupakan proses yang memakan masa cukup panjang, sehingga antara masuknya Islam dan tumbuhnya Kerajaan Islam merupakan dua hal yang perlu dibezakan.⁶

Pernyataan sama disampaikan oleh Zakaria Ahmad yang menyatakan seperti

berikut :

Sebelum agama Islam berkembang di Aceh, kebudayaan daerah ini telah berabad-abad lamanya dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha terutamanya di daerah-daerah pantai yang terletak di tepi lalu lintas antarabangsa. Sedangkan di pedalaman Aceh pengaruh animisme dan dinamisme masih sangat kuat.⁷

Tidak hanya Zakaria Ahmad sahaja yang memberikan kenyataan seperti tersebut di atas, bahkan banyak tokoh Aceh yang mengakui bahawa adat istiadat dan

⁶ *Ibid.*

⁷ Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh*, 1972, Medan, Monora, hlm. 20. Lihat juga M. Hoesin, *Adat Atjeh*, 1970, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Aceh, Banda Aceh, hlm. 72

kebudayaan agama Hindu telah berabad-abad lamanya mempengaruhi kehidupan masyarakat Aceh pada masa itu. Pengkaji melihat bahawa bukannya adat budaya agama Hindu yang mempengaruhi masyarakat Aceh, akan tetapi masyarakat Aceh pada masa itu (sebelum Islam masuk ke Nusantara) telah menganut agama Hindu dan Budha dan sebahagiannya lagi menganut kepercayaan Animisme dan Dinamisme. Setelah Islam masuk ke Aceh, maka masyarakat Aceh pun telah menukar agamanya kepada agama Islam, namun adat istiadat dan budaya Hindu masih tetap diamalkannya.⁸

Berkenaan dengan masuknya Islam ke Nusantara A. Mukti Ali, tokoh Ilmu

Perbandingan Agama menyatakan seperti berikut :

Bahawa sebelum agama Islam masuk ke Indonesia, agama Islam lebih dahulu masuk melalui India, bahkan penyebarannya pun dimulai dari Gujerat (India). Sejarah telah mencatat Islam yang datang ke Indonesia ini iaitu dibawa masuk dari India, di mana Islam tidak terlepas dari pengaruh Hindu. Percampuran antara Islam dan Hindu menambah mudah masuknya Agama Islam itu ke Indonesia, kerana sudah lama kenal dengan ajaran Hindu di India. Sebahagian besar tersiarnya Islam di Indonesia ialah hasil daripada penyebaran kaum sufi. Di mana dalam beberapa hal dan segi mereka bersikap toleran terhadap ajaran asli dengan adat istiadat yang hidup dan berkembang di tempat itu. Suksesnya ajaran Islam itu berkembang juga didukung oleh pembawanya (muballigh) yang telah memberikan kesempatan terhadap adat kebiasaan yang ada dan hidup di dalam masyarakat.⁹

Dari kutipan tersebut di atas, ada beberapa faktor yang mempengaruhi penyebaran Islam ke Nusantara iaitu pertama, para penyebar Islam telah masuk ke India

⁸ *Ibid.* Temubua deng Taufa Temubual dengan Tengku H. A. Rahman Kaoy, penceramah bebasdan tokoh adat di BandaAceh, pada 15 Februari 2013.

⁹ A. Mukti Ali, *Alam Fikiran Modern di Indonesia* , 1964, Jakarta, Titamas, hlm. 3 – 6.

sebelum ia datang ke Nusantara. Oleh kerana itu, penyebaran Islam masuk ke Nusantara melalui Gujerat di India. Kedua, penyebaran Islam ke Nusantara kebanyakannya dibawa oleh kaum sufi, yang banyak memberikan toleransi dalam beragama kepada masyarakat. Kedua-dua kelompok penyebar Islam tersebut di atas tidak menyentuh persoalan adat dan budaya masyarakat tersebut. Ketika Islam telah diterima sebagai agama, persoalan adat dan budaya dibiarkan sahaja berkembang seperti semula kerana dianggap tidak merosakkan akidah.

Pendapat tersebut di atas, memberikan bayangan sikap toleransi yang telah diberikan oleh kaum sufi terhadap penerimaan kebudayaan agama yang berkembang sebelumnya (pra Islam), disebabkan oleh kerana pandangan mereka (kaum sufi) bahawa budaya tersebut hanya bersifat duniawi semata-mata yang tidak merosakkan akidah Islam.¹⁰

Demikian juga halnya dengan peninggalan adat budaya dan ajaran Hindu yang masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat Aceh yang telah memeluk Islam. Setelah penyebaran Islam di Aceh yang bermula dari abad 1 H. atau abad ke 7 M. menyebabkan kerajaan Hindu bertukar menjadi kerajaan Islam. Adat budaya Hindu yang dianggap tidak merosak akidah Islam dibiarkan sahaja tetap berkembang, seperti halnya *peusijuek* (tepung tawar), *kenduri laut*, *kenduri blang* (kenduri sawah), *tulak bala* (tolak bala), dan sebagainya. M. D. Mansur menyatakan seperti berikut :

¹⁰ Lihat Nurdinah Muhammad, et.all. *Ilmu Perbandingan Agama*, 2004, Banda Aceh, Ar-Raniry Press, hlm.81.

Pada awalnya proses pengIslaman itu berlangsung tanpa persoalan, kerana berlangsung secara bertahap, sama halnya seperti setitik minyak yang jatuh ke atas sehelai kertas yang membasahi kertas itu. Setelah proses pengIslaman itu berlangsung berabad-abad lamanya, dan sebahagian telah menjadi penganut Islam yang kuat dan taat, baharulah proses pengIslaman itu dijadikan persoalan oleh para cerdik pandai, mengenai bagaimana proses pengIslaman itu berlaku.¹¹

Pengamalan ajaran Islam pada awal penyebarannya pada masa itu tidak menimbulkan persoalan, hal-hal yang dianggap bukan akidah seperti adat dan budaya tetap diamalkan seperti biasa. Setelah Islam berkembang dan kuat, para penganutnya mula menyedari bahwa amalan Islam telah bercampur dengan agama dan budaya pra Islam.

Mengikut pemikiran Fachry Ali, pelaksanaan amalan ajaran Islam di Indonesia dianggap mengandungi beberapa konsep mistik dan telah benar-benar menyesuaikan diri dengan tradisi tempatan yang sebelumnya telah berakar umbi dalam kehidupan masyarakat. Watak toleran dalam penyebaran Islam ini, nampaknya tidak semata-mata kerana keinginan untuk mudahnya ajaran Islam diterima oleh masyarakat Aceh tetapi juga disebabkan pengaruh keadaan yang berlaku pada masa itu, iaitu kemunduran Islam yang berlaku bermula pada awal abad ke-11 H. Situasi perkembangan dan penyebaran Islam yang demikian ini turut mempengaruhi ajaran Islam yang disebarkan pada masa itu.¹² Kehidupan pengamalan Islam yang dilakukan oleh umat Islam yang penuh mistik,

¹¹ MD Mansur, *Beberapa Catatan Mengenai Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Pesisir Sumatera*, 1963, Medan, Panitia Seminar Masuknya Islam di Indonesia, hlm. 53 – 56.

¹² Fachry Ali dan Bahtiar Effendy. *Merambah Jalan Baru Islam: Rekonstruksi Pemikiran Islam Indonesia Masa Orde Baru*, 1990, Bandung, Mizan, hlm. 40-41.

tidak terlepas dari penyebaran Islam pada awal mulanya ke Nusantara. Menurut Koentjaraningrat menyatakan seperti berikut :

Bahawa para pedagang Indonesia yang menjadi kaya, dan suatu golongan bangsawan di kota-kota pelabuhan, menjadi terpengaruh oleh agama Islam. Kerana gelombang pengaruh pertama agama Islam itu datangnya dari Parsi atau Gujerat di India Selatan, di mana ajaran agama Islam pada masa itu telah banyak dipengaruhi dan mengandung banyak unsur mistik. Maka sudah tentu bagaimana Islam di negara-negara pantai timur pada masa itu juga banyak dipengaruhi dan mengandung unsur mistik.¹³

Dari huraian tersebut di atas, maka dapat difahami bahawa masyarakat Aceh pra Islam telah memeluk agama Hindu dan Buddha serta memiliki kepercayaan leluhur (nenek moyang) mereka, iaitu kepercayaan animisme dan dinamisme. Akibatnya secara keseluruhannya fahaman keagamaan (Islam) yang telah diterima oleh masyarakat Aceh telah bercampur baur dengan fahaman keagamaan di luar agama Islam. Zakaria Ahmad menyebutkan seperti berikut :

Bahawa pada awal penyebarannya tidak terlihat akan tetapi setelah Islam menjadi agama rasmi masyarakat Aceh, baharulah penganut Islam intelektualnya menyedarinya, dan memerlukan pemurnian akidah penganutnya.¹⁴

¹³ Koentjaraningrat, *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*, 1974, Jakarta, Bulan Bintang, hlm.22. Mistik iaitu suatu gerakan kebatinan dalam agama, di mana manusia mencuba mencari kesatuan total dengan Tuhan, dengan bermacam cara, sama ada yang bersifat *semedi* (bertapa/berkhalwat), pemusatan fikiran, mahupun yang bersifat ilmu ghaib. Mistik suatu amalan kebatinan dan kepercayaan terhadap kekuatan ghaib, di mana semua benda dipercayai mempunyai ruh dan daya kekuatan ghaib yang dianggap dapat memberikan suatu kekuatan dalam kehidupan manusia. Para ahli perbandingan agama menempatkan mistik ini merupakan bahagian daripada bentuk penyembahan dalam agama primitif. Agama primitif ini dianggap merupakan suatu kepercayaan manusia pada stadium dini (peringkat awal) manusia mengenal Tuhan.. Huraian mengenai mistik, lihat A. Mukti Ali, *Ilmu Perbandingan Agama*, Tintamas, Jakarta, 1993, hal 54.

¹⁴ Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh*, 1972, Medan, Monora, hlm. 75. Lihat juga M. Hoesin, *Adat Atjeh*, 1970, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Aceh, hlm. 72.

1.3 Latar Belakang Masalah

Persoalan yang paling utama ialah, berdasarkan sejarah sebelum masuknya Islam ke Aceh, telah tumbuh dan berkembang kerajaan Hindu di Aceh, masyarakat Aceh telah menganut agama Hindu dan Buddha. Di Sumatera kerajaan Hindu Sriwijaya hampir menguasai seluruh wilayah Nusantara seperti Aceh, Jawa, dan sebagainya. Koentjaraningrat dalam bukunya yang bertajuk : *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia* menyatakan bahawa:

Secara keseluruhannya agama dan kebudayaan Indonesia pada masa itu dipengaruhi oleh agama dan budaya Hindu. Agama dan kebudayaan Hindu pra Islam memiliki suatu kekuatan yang sangat besar dan mempengaruhi hampir semua bangsa di Asia Tenggara. Demikian juga dengan kebudayaan intelektual daripada agama Hindu mempengaruhi dunia Asia Tenggara pada zaman purbakala.¹⁵

A.H. Hill, dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* menyatakan bahawa :

Ketika permulaan Islam masuk ke negeri Aceh, masyarakat Aceh telah menganut kepercayaan animisme dan dinamisme, iaitu kepercayaan dan agama leluhur mereka, sebahagiannya lagi telah menjadi penganut agama Hindu dan Buddha. Kesemua masyarakat yang telah menganut agama dan kepercayaan yang berbeza ini telah menerima kehadiran Islam, dan telah menukar agama yang mereka anut semula kepada agama Islam.¹⁶

Adat dan budaya Hindu masih memiliki pengaruh yang sangat kuat dalam masyarakat di Aceh. Hal ini disebabkan oleh kerana setelah Islam diterima sebagai suatu agama oleh masyarakat Aceh, sisa-sisa amalan agama Hindu yang telah lama diamalkan sebelumnya sangat kuat dan melekat dalam kehidupan masyarakat, sehingga

¹⁵ *Ibid*, hlm. 22.

¹⁶ A.H. Hill, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, 1980, JMBRAS, vol. XXXIII, part 2, Juje, hlm 15.

sangat sukar untuk dihapuskan. Sehingga timbullah dualisme dalam menjalankan amalan agama Islam dalam kehidupan masyarakat Aceh. Dualisme menurut *Kamus Dewan* ialah teori yang berasaskan dua dasar yang berlainan; perihal yang mendua, sesuatu yang berasaskan dua hal yang bertentangan.¹⁷ A. Mukti Ali menyatakan bahawa :

Ketika Islam masuk ke Aceh dengan penyebar utamanya dari Persia atau Gujerat dari India selatan, di mana agama Islam yang dianut oleh para penyebarannya tidak terlepas daripada pengaruh unsur-unsur mistik dari India, maka dengan mudah dapat diterima oleh masyarakat Aceh yang memiliki kesamaan tradisi, iaitu mistik. Maka jadilah mereka pada saat itu penganut Islam yang penuh dengan mistik, seperti kepercayaan kepada azimat, membakar kemenyan pada saat berdoa dan sebagainya.¹⁸

Masalah selanjutnya dari kehidupan beragama dalam masyarakat Aceh, adalah amalan adat dan budaya Hindu telah bercampur dengan amalan ajaran Islam yang baharu dianutnya. Alfian menyebutkan bahawa :

Adat dan budaya telah bercampur dengan syari'at agama Islam yang sangat sukar untuk dipisahkan antara satu sama lain, dan ia berjalan seiring tanpa pembatas yang jelas sebagaimana yang diharapkan. Sepatutnya adat menurut adat, hukum pula menurut syari'at agama. Adat dan hukum adalah kembar, manakala muafakat adat dan hukum akan menjadikan negeri aman, tenteram dan damai.¹⁹

Zakaria Ahmad menyebutkan seperti berikut :

Bahawa pada awal penyebarannya tidak terlihat akan tetapi setelah Islam menjadi agama rasmi masyarakat Aceh, baharulah penganut Islam

¹⁷ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, 1970, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, hlm. 249.

¹⁸ A. Mukti Ali, *Alam Pemikiran Modern di Indonesia*, 1991, Jakarta, Jambatan, hlm. 125.

¹⁹ Alfian, (ed.), *Segi-Segi Kebudayaan Aceh*, 1978, Jakarta, LP3ES, hlm. 38.

intelektualnya menyedarinya, dan memerlukan pemurnian akidah penganutnya.²⁰

Dari huraian tersebut di atas, menjadikan pemahaman keagamaan (Islam) dalam masyarakat Aceh secara umumnya dapat diklasifikasikan ke dalam dua bentuk iaitu :

1. Bentuk tradisional.

Pendukung tradisionalisme ialah kelompok Tengku (kiai, ulama, tokoh agama) yang mendirikan pondok pesantren sebagai pusat penyebaran fahaman-fahaman keagamaan yang dianut. Bahkan di bawah kepeloporan para Tengku ini menjadikan fahaman tradisionalisme memiliki ciri khas lain yang bersifat ideologikal, iaitu yang kemudiannya mempengaruhi seluruh tingkah laku keagamaan, politik dan kemasyarakatan. Dalam persoalan keagamaan, ialah keterikatannya kepada fahaman Ahlu al-Sunnah Wa al-Jama'ah yang difahami secara khas. Hal ini telah menempatkan mereka pada kedudukan yang berbeza dan berseberangan dengan fahaman keagamaan kaum pembaharu atau modenisme. Oleh sebab itu, dalam perkembangan kemudiannya struktur pola pemikiran Islam tradisionalisme bergantung sepenuhnya kepada kelompok pendukung ini di samping para pelakunya.²¹

2. Moden (pembaharuan).

Kehadiran pelbagai aliran pembaharuan pemikiran keIslaman di Indonesia telah menimbulkan pelbagai dampak yang negatif dalam kalangan umat Islam, bahkan

²⁰ Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh*, 1972, Medan, Monora, hlm. 75. Lihat juga M. Hoesin, *Adat Atjeh*, 1970, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Aceh, hlm. 72.

²¹ *Ibid.* hlm. 48-51.

dapat mengarah kepada perbalahan internal dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Dawam Rawarjo seperti berikut :

Idea dan gagasan pemikiran pembaharuan keIslaman menimbulkan kontroversi, reaksi dan polemik yang mencetuskan perhatian umum. Selain itu, ada juga rasa bimbang dalam kalangan umat Islam terutama tokoh-tokoh agama mengenai arah dan akibat daripada cetusan dan gagasan-gagasan (ide) pemikiran tersebut. Hal ini amat dirasakan apabila disebarkan oleh media massa, sehingga meresahkan masyarakat, seperti membawa kecurigaan dalam kalangan masyarakat luas.²²

Selain kesan negatif, Dawam Raharjo juga menyatakan ada kesan positifnya iaitu seperti berikut :

Kehadiran pembaharuan pemikiran keIslaman di Indonesia telah membuktikan adanya keprihatinan dan keterlibatan golongan intelektual Muslim secara aktif yang memikirkan masa depan umat Islam di Indonesia. Mereka berusaha mencari dan menampilkan kerelevanan agama dengan kehidupan masa kini dan mengintegrasikannya dengan ilmu pengetahuan moden, serta menawarkan alternatif dan penyelesaian terhadap pelbagai masalah yang dihadapi umat Islam di negara tersebut. Bahkan ada di antara mereka secara aktif berusaha dan melaksanakan aktiviti sosial dan projek Islamisasi dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosio dan lain-lain.²³

Meskipun timbulnya dampak negatif dan positif dari pembaharuan pemikiran Islam, Komaruddin menyebutkan bahawa dampak positif lebih besar daripada negatifnya. Komaruddin menyebutkan bahawa dampak positif dari pemikiran pembaharuan tersebut lebih berkesan berbanding dengan dampak negatifnya,

²² M. Dawam Rahardjo, *Intelektual Intelegensia dan Perilaku Politik Bangsa: Risalah Cendekiawan Muslim*, 1993, Bandung: Mizan. hlm. 273.

²³ *Ibid.* hlm. 288. Dawam menyebut mereka sebagai *socially concerned Intellectuals* bahkan terjun sendiri dalam proses sosio di lapangan. Mereka menyedari pelbagai permasalahan pembangunan, utamanya yang menyangkut lapisan bawah dan lapisan marginal (*mustadh'afin*). Mereka tidak dapat menerima sikap "tidak peka" terhadap persoalan-persoalan sosial.

sebagaimana yang dinyatakan seperti berikut: Bahawa selama dua dasawarsa terakhir, semangat, arah dan corak pemikiran Islam Indonesia memiliki kemajuan atau pembaharuan pemikiran yang amat mengesankan.²⁴

Lahirnya gerakan pembaharuan pemikiran keIslaman amnya di Indonesia dan di Aceh khasnya dilatarbelakangi dengan pengamalan keagamaan umat Islam yang bersifat tradisional. Islam tradisional, seperti juga di negara-negara Islam yang lain secara amnya termasuk juga di Malaysia merupakan fahaman keIslaman yang dianuti secara luas di Indonesia khas oleh masyarakat Aceh. Sehingga abad 19 M, umat Islam di kedua-kedua negara ini menganut aliran pemikiran tradisional, dan ketika bermulanya pembaharuan pada abad ke 20 M fahaman ini terus memainkan peranan aktifnya melalui usaha para ulama yang kukuh menyambung tradisi sebelumnya.²⁵

L. Stoddard, dalam buku yang bertajuk *Dunia Baru Islam*, menyatakan seperti berikut:

Gerakan (fahaman) Wahabi merupakan salah satu Gerakan Salaf atau Gerakan pembaharuan Islam di Indonesia. Beliau menyatakan bahawa Haji Miskin dengan Mazhab Wahabinya telah memberikan tekanan udara baharu bagi pergerakan reformis umat Islam di Indonesia. Gerakan ini secara tegas menggali api ajaran Islam, memberantas khurafat dan bid'ah akibat pengaruh Hinduisme dan Buddhisme. Kelompok ini mengadakan perombakan dalam masyarakat secara radikal, dan dalam banyak hal menggunakan kekerasan. Sehingga terjadinya peperangan antara mereka dengan penjajahan Belanda yang memanfaatkan kesempatan tersebut dengan alasan membantu adat penduduk asli untuk mengukuhkan kedudukan penjajahan Belanda. Kelompok ini pada awalnya dikenali dengan Kaum Paderi.²⁶

²⁴ Komaruddin Hidayat, "Pembaruan Islam: Dari Dekonstruksi ke Rekonstruksi," dalam *Jurnal Ulumul Al-Qur'an*. No. 3. Vol. VI. Tahun 1995. hlm. 3.

²⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. hlm. 33.

²⁶ Kaum Paderi, iaitu salah satu gerakan Salaf di bawah pimpinan Haji Miskin di Padang Sumatera Barat, Kaum ini juga dijuluki dengan "Harimau Nan Salapan" mereka menggunakan pakaian serba putih. Kelompok ini mengadakan pembaharuan ajaran Islam di tengah-tengah masyarakat dengan

Kemudian K.H. Ahmad Dahlan mendirikan pertubuhan Muhammadiyah di Yogyakarta pada tahun 1928 dan mempunyai ramai pengikut. Selanjutnya L. Stoddard mengutip pendapat daripada C.A.O. Van Nieuwenhuize sebagai berikut :

Sesuai dengan teladan yang telah dilakukan oleh golongan Muhammad Abduh di Mesir, maka di Yogyakarta, K.H. Ahmad Dahlan mendirikan pertubuhan Muhammadiyah pada tahun 1928, menyalurkan penafsiran yang sesuai dengan akal atas ajaran-ajaran Islam yang murni. Maka gerakan Muhammadiyah ini mulai mengajarkan Islam secara moden dengan mendirikan lembaga-lembaga pendidikan yang susunan pelajarannya banyak disesuaikan dengan sekolah pemerintah (kerajaan). Dan pada asasnya ditujukan kepada pengajaran yang langsung mengenai soal-soal keIslaman. Dalam berbuat yang demikian itu Muhammadiyah mendapat sambutan yang luas daripada masyarakat Islam.²⁷

Muhammadiyah ialah gerakan tajdid atau pembaharuan, iaitu bertujuan untuk membersihkan pemahaman mengenai ajaran Islam yang telah bercampur dengan unsur-unsur pemahaman dan keyakinan bukan Islam untuk kembali kepada pemahaman ajaran Islam yang murni seperti yang dimaksudkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Intinya iaitu pemurnian fahaman terhadap ajaran agama Islam.²⁸

Di wilayah Nanggroe Aceh Darussalam, Muhammadiyah telah dikenali pada tahun 1923. Tetapi pertubuhan ini diakui sah berdiri di wilayah Aceh pada tahun 1927 dengan terbentuknya struktur kepemimpinan Muhammadiyah, iaitu sebagai cawangan Kutaraja (Banda Aceh sekarang). Kemudian berdiri cawangan Sigli, dan Lhokseumawe.

cara radikal. Sesudah Sumatera Barat ditawan oleh penjajahan Belanda, ajaran Salaf yang dipelopori oleh kaum Paderi diteruskan oleh ulama-ulama seperti Syeh Muhammad Abdullah Ahmad (1878-1933), Syeh Haji Abdul Karim Amrullah (1879-1945), dan sebagainya, dikenal sebagai "Kaum Muda". Huraian mengenai Kaum Paderi lebih lanjut dapat dilihat pada, L. Stoddard, *Dunia Baru Islam*, 1966, Jakarta, hlm. 302-302.

²⁷ Lihat, L. Stoddard, *Dunia Baru Islam*, 1966, hlm. 302-307

²⁸ H.M. Amin Aziz, " *Sumber Daya Manusia Untuk Peningkatan Mutu Amal Usaha Muhammadiyah* ", Makalah disampaikan pada Seminar Peningkatan Sumber Daya Manusia Menyongsong Abad ke 21 sempena Muktamar Muhammadiyah ke-43, pada tanggal 6-12 Julai di Banda Aceh.

Seterusnya pada tahun 1933 berdiri cawangan Labuhan Haji Aceh di Selatan, dan Aceh Barat pada tahun 1942. Hingga saat ini Muhammadiyah telah merata di seluruh wilayah Nanggroe Aceh Darussalam, terutamanya di bandar-bandar bahkan ada yang sampai ke tingkat Kecamatan.²⁹ Dalam sejarah pertumbuhan dan penyebarannya dari awal sehingga masa kini, Muhammadiyah sentiasa mendapat pelbagai tantangan (cabaran). Akibatnya keberadaan Muhammadiyah saat ini belum menjangkau ke seluruh kawasan di luar bandar atau kawasan pedesaan.

Apa yang dialami oleh Muhammadiyah seperti tersebut di atas, di antara faktor penyebabnya menurut Daud Remantan iaitu fahaman sempit yang dimiliki oleh alam fikiran masyarakat. Keterikatan dengan tradisi-tradisi yang telah turun temurun serta dilegalisasi oleh para ulama terkemuka dalam kalangan masyarakat. T. Tugihen menyebutkan, bahawa sebab lainnya iaitu kerana Muhammadiyah menentang peri laku kehidupan beragama yang dianggap menyimpang dengan ajaran Islam yang benar dan murni. Kerana itu Muhammadiyah dianggap sebagai perkumpulan yang anti terhadap peri laku kehidupan beragama yang telah kuat dan lama berlaku. Situasi seperti ini

²⁹ M. Isa Sulaiman, " *Sejarah Aceh : Sebuah Catatan Terhadap Tradisi* " hlm. 27. Lihat juga, M. Daud Remantan, " *Pembaharuan Pemikiran Islam di Aceh* " hlm. 162-163 dan 398, Beliau memetikinya dari Hoofdbestuur Moehammadiyah, " *Moehammadiyah Hindia Timoer Tjabang Koetraja, 1927-1932*. hlm.3 Lihat juga Rusdi Sufi, " *Perkembangan Muhammadiyah dan Kiprahnya Dalam Politik Pada Masa Kolonial di Aceh* " dalam A. Hasjmy, et. al. 1995, " *Muhammadiyah Dalam Perspektif Cendekiawan Aceh* " hlm. 121. Lihat Rusdi Sufi dengan mengutip sumber lain menjelaskan bahawa Djaja Soekarta yang mula membawa Muhammadiyah di Aceh, setiausaha Muhammadiyah Cawangan Betawi (sekarang Jakarta), beliau pindah dari Jakarta ke Koetaraja sebagai kakitangan di Jabatan Kereta api Aceh. Lihat *Ibid*. Lihat juga H. Badruzzaman Ismail, " *Peran dan Posisi Muhammadiyah Dalam Perubahan Sosial di Indonesia* " dalam A. Hasjmy, et. Al. 1995, *Muhammadiyah Dalam Perspektif Cendekiawan Aceh* " Banda Aceh, Gua Hira, hlm. 57.

dapat dilihat di pedesaan yang belum banyak disentuh modernisasi, khususnya dalam bidang pendidikan.³⁰

Dalam hal ini untuk mengatasi pemahaman Islam tradisional Abdul Ghani memberikan pernyataan bahwa tidak diragukan lagi hasrat untuk maju mengatasi kelembapan, kejahilan, kemunduran, perpecahan tidak mungkin dicapai dengan semata-mata melalui tajdid atau ijihad fiqh, tetapi juga mesti dicapai melalui tindakan jitu yang konsisten di samping melaksanakan ajaran agama yang bersifat fundamental.³¹

Oleh sebab itulah, kajian ini dilakukan untuk mengkaji : Islam Dalam Adat dan Budaya Masyarakat Aceh : Kajian Terhadap Usaha-Usaha Pertubuhan Muhammadiyah.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang masalah tersebut di atas, maka fokus utama kajian ini iaitu bagaimana dinamika Usaha-Usaha yang dilakukan oleh Pertubuhan Muhammadiyah di Nanggroe Aceh Darussalam. Persoalan utama yang ingin dikaji iaitu bagaimana usaha yang dilaksanakan dan yang dimainkan peranannya oleh Muhammadiyah. Persoalan kajian ini dapatlah dirumuskan seperti berikut :

³⁰ Daud Remantan, " *Pembaharuan Pemikiran Islam di Aceh* " hlm. 170. Lihat juga Bahrein T. Tugihen, " *Muhammadiyah Dalam Kultur ke Acehan* " dalam A. Hasjmy, et. Al. 1995, " *Muhammadiyah Dalam Perspektif Cendekiawan Aceh* " hlm. 143.

- a. Adakah adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Aceh bercampur dengan akidah ?
- b. Bagaimanakah corak dan adat budaya yang diamalkan oleh masyarakat Aceh bercampur dengan amalan agama lain ?
- c. Bagaimanakah usaha yang dilaksanakan oleh Muhammadiyah dan usaha pemurnian akidah sebagai salah satu pertubuhan pembaharuan di Aceh?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan kontribusi kepada pelbagai pihak terutama pada umat Islam dalam melaksanakan amalan agamanya seperti berikut:

- a. Untuk memberi dorongan mengenai kesedaran beragama yang sesuai dengan kemurnian ajaran Islam, sehingga menjadi penganut Islam yang berwawasan luas, tidak berpandangan sempit, serta mampu menerima perubahan dalam kehidupan beragama dengan pemahaman yang lebih luas.
- b. Memberikan kontribusi berkenaan dengan usaha pemurnian akidah Islam dalam pelbagai kehidupan di tengah-tengah masyarakat Aceh, sama ada yang bersifat ukhrawi mahupun duniawi.
- c. Sebagai kontribusi bagi pengembangan wawasan kajian pembaharuan pemikiran keIslaman, menuju kepada pemurnian akidah Islam.

1.6 Objektif Kajian

Dari huraian tersebut di atas dapatlah dirumuskan bahawa objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- a. Untuk mengkaji adat budaya dan tradisi masyarakat Aceh yang telah lama berkembang.
- b. Untuk mengkaji warisan adat budaya masyarakat Aceh sama ada bertentangan dengan akidah Islam atau tidak.
- c. Untuk mengkaji usaha-usaha Muhammadiyah dalam memurnikan akidah dalam adat dan budaya masyarakat Aceh.

1.7 Tinjauan Kajian Lepas

Kajian seumpama ini belum pernah dilakukan sebelum ini, namun terdapat beberapa kajian yang dapat dijadikan asas dan panduan untuk pengkajian dalam skop yang akan dikaji, di antaranya seperti berikut :

Pertama iaitu kajian mengenai Gerakan Pemurnian Akidah Persatuan Islam (PERSIS), (Janawi, 1996), Kajian ini dilakukan di peringkat Master pada Program Pasca Sarjana di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh pada tahun 1996. Kajian ini juga berusaha mengkaji usaha pemurnian akidah yang dilakukan oleh Persatuan Islam, iaitu salah satu pertubuhan Gerakan Pembaharuan

Pemikiran Islam di Indonesia, yang berkedudukan di Bandung Jawa Barat. Pertubuhan ini dikenali mempunyai pemikiran yang lebih radikal daripada pertubuhan Muhammadiyah. Kajian pemurnian akidah ini menumpukan pada sosio keagamaan dan sosio kemasyarakatan.

Kedua ialah kajian yang dilakukan oleh Karwadi, 1998 mengenai “Muhammadiyah Kajian Mengenai Pengembangan Misi Amar Makruf Nahi Mungkar Dalam Dinamika Politik Indonesia Masa Orde Baru”. Kajian ini merupakan kajian di peringkat Master pada Program Pasca Sarjana di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh pada tahun 1998. Kajian ini mengkaji usaha Muhammadiyah dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar yang sentiasa menjadi slogan Muhammadiyah secara global dalam pelbagai usahanya untuk mengajak umat ke jalan ajaran Islam yang murni dalam pelbagai bidang, baik bidang ubudiyah, mahupun muamalat. Objek dalam kajian ini, iaitu mengkaji misi Muhammadiyah sebagai pertubuhan Islam dengan slogan gerakan dakwah amar makruf nahi mungkar yang berhubungan dengan kehidupan politik umat Islam pada masa Pemerintahan Orde Baru di bawah kepemimpinan Presiden Soeharto.

Kajian yang sedang dijalankan ini berbeza dengan kajian tersebut di atas. Kajian terdahulu mengkaji bagaimana misi Muhammadiyah sebagai gerakan dakwah amar makruf nahi mungkar dengan perilaku para politisi pada masa pemerintahan Orde Baru yang dikenali dengan pemerintahan yang penuh dengan budaya rasuah. Dalam kajian yang sedang dilaksanakan ini, pengkaji akan mengkaji bagaimana usaha

Muhammadiyah dalam memurnikan akidah masyarakat Aceh. Akidah yang dimaksudkan dalam kajian ini, yaitu yang berhubungan dengan muamalah yang berkaitan dengan kehidupan sosio kemasyarakatan mahupun sosio keagamaan ialah dalam bidang adat dan budaya yang pelaksanaannya melebihi amalan agama, bukan ubudiah (ibadah). Jadi kajian ini akan ditumpukan pada bidang muamalah, bukan ibadah.

Ketiga kajian mengenai “Ulama Aceh di Era Reformasi Studi melalui Pendekatan Sosiologis” (Abdul Gani Isa, 2001). Kajian ini merupakan kajian di peringkat Master pada Program Pasca Sarjana di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh pada tahun 2001. Kajian ini berkenaan dengan profil ulama dalam masyarakat Aceh. Kajian tersebut mencuba untuk mengklasifikasikan ulama di Aceh dalam dua kategori, iaitu pertama Ulama Tradisional, ulama yang berpusat di dayah-dayah (pesantren) yang dikatakan memiliki sifat dan sikap yang tawaddu, istiqamah terhadap Kitab Allah serta menguasai hukum syara serta masih mendapat dukungan yang sangat kuat dari masyarakat. Ulama ini disebut juga sebagai ulama kampung atau ulama Dayah (pesantren). Jenis ulama yang kedua iaitu ulama moden, mereka diharapkan mampu tampil di depan sebagai pemimpin, sebagai tokoh utama yang mampu menerima pelbagai perubahan yang terjadi akibat daripada kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Ulama seperti ini sering dapat diterima oleh semua komponen masyarakat sama ada masyarakat menengah, mahupun masyarakat kelas atas.

Kajian keempat mengenai Amalan Animisme dan Dinamisme Dalam Masyarakat Aceh (Kajian Kes di Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe). Kajian ini merupakan kajian di peringkat Doktor Falsafah oleh Ridwan Hasan pada tahun 2007 di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM Pulau Pinang. Dapatan dalam kajian ini menyatakan bahawa masih ada dalam masyarakat Aceh yang memiliki kepercayaan Animisme dan Dinamisme. Tinjauan utamanya dalam kajian ini adakah budaya dan adat istiadat yang terdapat dalam masyarakat Aceh bertentangan dengan ajaran Islam ataukah tidak?. Selanjutnya kajian ini hanya mengemukakan dalil-dalil naqli untuk menyatakan bahawa semua adat itu tidak sesuai dengan ajaran Islam. Kajian ini juga tidak ada usaha untuk memurnikan akidah yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam, sama ada usaha yang dilakukan oleh individu mahupun oleh sebuah pertubuhan Islam yang ada di Aceh, seperti Muhammadiyah dan lain sebagainya.

Dalam kajian tersebut di atas ia berbeza dengan kajian pengkaji, kajian tersebut di atas hanya mengkaji budaya masyarakat Aceh yang berasal dari peninggalan budaya Hindu dan ajaran Animisme dan Dinamisme. Selanjutnya kajian tersebut di atas hanya memaparkan dalil al-Qur'an dan Hadis, bahawa budaya dan adat tersebut bercanggah dengan ajaran Islam, akan tetapi kajian tersebut tidak ada usaha untuk mengembalikan kepada ajaran Islam yang benar serta tidak berfokus kepada mana-mana pertubuhan dakwah.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini membatasi kepada beberapa masalah sahaja seperti berikut :

- 1.8.1 Usaha pemurnian adat dan budaya masyarakat Aceh, iaitu dengan memfokuskan kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh pertubuhan Muhammadiyah sebagai salah satu gerakan pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia, yang bersumber pada al-Qur'an dan al-Sunnah dan menolak semua bentuk bid'ah, khurafat dan tahyul.
- 1.8.2 Pemikiran dan amalan Islam tradisional yang telah lama berkembang dan tradisi sosio keagamaan dan sosio kemasyarakatan yang masih diamalkan oleh masyarakat Aceh.
- 1.8.3 Lokasi Penyelidikan. Penyelidikan dilaksanakan di Nanggroe Aceh Darussalam, sebuah propinsi paling barat dari Negara Kesatuan Republik Indonesia yang memiliki 23 daerah dan kota³² oleh sebab wilayah penyelidikan relatif luas, maka penyelidik merasa perlu menentukan sampel lokasi penyelidikan yang ditetapkan berdasarkan penetapan wilayah. Penetapan ini didasarkan kepada karakteristik masyarakat dan kabupaten (daerah tingkat II) atau kota dan sama sekali tidak menunjuk kepada luas wilayah. Oleh itu, dari seluruh kabupaten/kota yang ada di Nanggroe Aceh Darussalam dipilih 6 (enam) kabupaten/kota iaitu : Kabupaten

³² Badan Pusat Statistik, *Aceh Dalam Angka 2008*, Kerjasama Badan Pusat Statistik dengan Badan Perencana Pembangunan Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, hlm 30.

Aceh Barat, Kotamadya Banda Aceh, Kabupaten Aceh Besar, Kabupaten Pidie, Kabupaten Pidie Jaya, dan Kabupaten Aceh Utara.

Pemilihan Nanggroe Aceh sebagai lokasi penelitian disebabkan oleh kerana Islam masuk ke Indonesia melalui Aceh, pra Islam di Aceh telah hidup agama dan budaya Hindu. Diperkirakan amalan adat dan budaya masyarakat Aceh masih banyak peninggalan agama dan budaya Hindu.

Pemilihan pertubuhan Muhammadiyah, dilandasi dengan pemikiran bahawa Muhammadiyah sebagai pertubuhan gerakan pembaharuan pemikiran Islam dengan dakwah amar makruf nahi mungkar, berusaha untuk memurnikan adat dan budaya masyarakat yang tidak sesuai dengan akidah.

1.9 Metodologi

1.9.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan sosiologi agama dan perbandingan agama.

9.1.1 Sosiologi Agama

Penggunaan pendekatan sosiologi agama dipandang sangat membantu kajian ini. Agama merupakan aspek sentral dan fundamental dalam kebudayaan. Kebudayaan dalam erti keseluruhan, isi konkrit yang terkandung di dalamnya, boleh berharmoni atau berkonflik dengan keadaan dan situasi yang ada atau dengan proses transformasinya pada masa hadapan. Teori fungsional yang dikemukakan oleh Tomas F. O'Dea dalam

bukunya yang bertajuk : *Sosiologi Agama Suatu Pengenalan Awal* menyebutkan bahwa: Teori fungsional iaitu segala sesuatu yang tidak berfungsi akan lenyap dengan sendirinya. Kerana agama sejak dahulu hingga kini masih ada, maka jelas agama mempunyai fungsi, atau akan memerankan sejumlah fungsi ³³

Teori fungsional menyediakan suatu jalan masuk yang bermanfaat untuk memahami agama sebagai fenomena sosio yang universal, dan erti penting fungsionalnya terhadap kepercayaan, kebudayaan, masyarakat, dan keperibadian manusia. Agama memberi kebudayaan sebagai tempat berpijak yang berada di luar pembuktian, atau tidak terbukti. Agama memberikan sumbangan sistem sosio dalam erti pada titik kritis, pada saat manusia menghadapi ketidakpastian dan ketidakberdayaan. Agama juga menyediakan saranan untuk menyesuaikan diri dengan kekecewaan, sama ada ia bersumber dari kondisi manusia, atau dari susunan kelembagaan masyarakat. Teori fungsional menumbuhkan perhatian kepada sumbangan fungsional agama yang diberikan terhadap sistem sosial. Dengan demikian agama akan menjawab masalah makna. Ia memberikan sangsi (hukuman) pada norma tatanan (aturan) pelaksanaan sosial yang telah kukuh (kuat) seperti apa yang dikenal sebagai titik kritis dengan menyediakan suatu dasar kepercayaan dan orientasi manusia dari sudut realiti ³⁴

Selanjutnya Thomas F.O' Dea mengatakan bahawa : Agama sama halnya dengan kebudayaan merupakan transformasi simbolis pengalaman, juga merupakan sistem pertahanan dalam erti seperangkat kepercayaan dan sikap. Agama juga merupakan salah

³³ Tomas F O'Dea, *Sosiologi Agama Suatu Pengenalan Awal*, (terj) 1985, Yasogama, Yayasan Solidaritas Gajah Mada, hlm. 7.

³⁴ *Ibid*, hlm 11-12.